

→ HALAMAN KOTA



Tapak pelupusan haram berhampiran perumahan Townvilla yang didakwa dibuka sejak awal bulan lalu.



Kain rentang yang membantah aktiviti keluar masuk lori hantu.

Masalah lama belum selesai, muncul pula isu baharu



Lori yang membawa muatan tanah menggunakan Jalan Muhibbah dan Jalan 1 Seri Gombak Fasa 8.

➔ Kawasan pelupusan sampah haram baharu dikaburi sebagai tapak projek pembangunan

Oleh Mohd Fharkhan Abdul Ghapar
bhnew@bh.com.my

↳ Gombak

Kehidupan penduduk Taman Seri Gombak Fasa 8 dan 9, di sini, yang berdepan masalah pencemaran bau, jalan berhabuk serta gangguan bunyi bising sejak 15 tahun lalu, berikutan wujudnya tapak pelupusan sampah haram, kini semakin parah.

Dakwa penduduk, ini berikutan masalah yang berlarutan se-

jak berpuluh tahun itu diburukkan dengan pembukaan sebuah lagi tapak pelupusan sampah haram, bulan lalu.

Lokasi baharu itu dikatakan dibuka berhampiran kawasan perumahan Townvilla yang terletak kurang dua kilometer dari kawasan pelupusan sampah haram sedia ada yang mengaburi mata penduduk sebagai tapak projek pembangunan.

Lori muatan tanah guna laluan pintas

Kehadiran tapak pelupusan sampah mengganggu kehidupan penduduk kerana Jalan Muhibbah yang menjadi jalan utama di kawasan perumahan itu, menjadi laluan pintas lori yang membawa tanah keluar masuk ke kawasan pembinaan berkenaan.

Tinjauan Halaman Kota di kawasan berkenaan semalam, mendapati setiap minit jalan berkenaan dipenuhi lori membawa muatan tanah yang turut menjadi laluan lori membawa muatan sampah ke kawasan pelupusan haram sedia ada dan yang baharu.

Seorang penduduk, Samsudin Abd Bakar, 60, berkata mereka

semakin buntu kerana masalah yang sedia ada belum selesai, timbul pula masalah baharu.

"Kami sudah letih... sudahlah masalah tapak pelupusan sampah haram tak selesai, masalah lori tanah yang keluar masuk menggunakan jalan ini menambah lagi gangguan."

"Setiap hari kami terpaksa berdepan gangguan bunyi dan pencemaran habuk selain risiko keselamatan," dakwanya yang tinggal di kawasan itu sejak 30 tahun lalu.

Katanya, disebabkan masalah yang tidak pernah selesai itu, ada jiran yang tinggal di Jalan Muhibbah bertindak menjual rumah mereka dan berpindah ke tempat baharu kerana tidak sanggup menanggung derita itu setiap hari.

Tinjauan juga mendapati, kehadiran lori berkenaan juga menyebabkan permukaan jalan rosak dan berlubang kerana lori tanah berkenaan membawa muatan berat selain menjadi kotor akibat sisa tanah.

Kesal PBT tak ambil berat

Selain itu, penduduk mendakwa, turut kecewa dengan sikap pihak



Kami sudah letih... sudahlah masalah tapak pelupusan sampah haram tak selesai, masalah lori tanah yang keluar masuk menggunakan jalan ini menambah lagi gangguan"

Samsudin Abd Bakar, Penduduk

berkuasa tempatan (PBT) yang tidak memandang serius masalah dihadapi mereka.

Seorang lagi penduduk, Vijay Sanggam, 45, mendakwa dia sudah banyak kali menghubungi Majlis Perbandaran Selayang (MPS) berhubung masalah itu, namun sering diberi pelbagai alasan dan diminta merujuk perkara berkenaan dengan agensi kerajaan lain.

"Kami hairan mengapa masalah ini masih lagi berterusan, biarpun pelbagai aduan sudah dikemukakan. Tidak dinafikan, pihak MPS ada melaksanakan pelbagai operasi dan serbuan di kawasan itu, namun selepas itu aktiviti itu berjalan seperti biasa."

"Lebih menghairankan, selepas beberapa hari operasi dilakukan, jalan ini akan kembali sibuk dengan lori tanah yang keluar masuk dari kawasan itu," katanya.

Tambahnya, lori berkenaan beroperasi sepanjang hari sehingga ke malam dan juga hari cuti.

Apa yang membimbangkan, masalah itu turut mengundang risiko berlaku kemalangan kerana lori berkenaan dipandu laju dan tidak mematuhi had laju biarpun sedang menuruni bukit, dakwanya.